

12/12/1999

PPP mahu bertemu Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Parti Progresif Parti Penduduk Progresif Malaysia (PPP) akan menghantar rombongan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memohon supaya pemimpin parti itu diberi peluang terbabit dalam kerajaan Barisan Nasional (BN).

Presidennya, Datuk M Kayveas, tindakan itu diputuskan mesyuarat Majlis Tertinggi PPP semalam yang turut menyingkirkan seorang ahli jawatankuasa PPP bahagian Sungai Siput kerana menyokong pembangkang.

Kayveas berkata, surat permohonan itu akan diutuskan minggu depan dan PPP berharap pertemuan itu dapat dilangsungkan dalam waktu terdekat.

Katanya, pembabitan PPP dalam kerajaan penting bagi mengekalkan semangat 250,000 ahli untuk terus berjuang dalam BN memandangkan ada pihak menghasut ahli parti itu menyertai pembangkang.

(END)